

LAPORAN: NOOR AZURA SAHRIL dan HASNIZA HUSSAIN FOTO: ROSLI TALIB

Institusi kewangan Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat kerana ia mampu menjana ekonomi negara secara keseluruhannya.

Di Malaysia, terdapat pelbagai institusi kewangan seperti perbankan, pusat zakat, baitulmal termasuk institusi pengurusan dana Islam terbesar iaitu Tabung Haji.

Bagaimanapun, peranan institusi kewangan Islam ini akan lebih berkesan sekiranya mendapat sokongan entiti/masyarakat termasuk kerajaan dalam menjayakannya.

Ikuti kupsasan Wacana Sinar Harian Siri ke-147 bertajuk Peranan Institusi Kewangan Islam Dalam Ekonomi Malaysia oleh tiga panelis iaitu Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Islam Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Noor Azman Ali; Perunding Syariah di ISRA Consulting, Dr Tuan Badrul Hisham Tuan Soh dan Rektor Kolej Pengajian Islam Johor, Profesor Dr Abdul Ghafar Ismail yang berlangsung di Studio C, Kompleks Kumpulan Karangkraf, Shah Alam malam kelmarin.

#### SHAH LAM

**KETIDAKFAHAMAN** fungsi sebenar di sebalik sistem kewangan Islam menyebabkan masyarakat tidak percaya kepada sistem kewangan itu.

Perunding Syariah di ISRA Consulting, Dr Tuan Badrul Hisham Tuan Soh berkata, sistem kewangan Islam dilihat sebagai satu komponen yang berdaya maju dalam sistem kewangan negara dan sebagai alternatif kepada sistem kewangan konvensional.

Namun begitu katanya, majoriti dari kita tidak percaya kepada kewangan Islam kerana tidak faham bagaimana sebenarnya sistem kewangan ini berfungsi.

"Simulasi yang dilakukan jelas berkenaan mungkin produk kewangan Islam lebih mahal dan lebih murah. Kemungkinan tetap ada tetapi apa yang kita janjikan dalam kewangan Islam



Dari kiri: moderator Saiful Nizam Ismail; Dr Noor Azman, Dr Tuan Badrul Hisham dan Dr Abd Ghafar pada Wacana Sinar Siri ke-147 yang membincangkan tajuk Peranan Institusi Kewangan Islam Dalam Ekonomi Malaysia di Shah Alam malam kelmarin.

# Sistem kewangan Islam janjikan ketelusan

*Majoriti menolak sistem kewangan Islam kerana tidak faham bagaimana sistem itu bergerak*

adalah tentang ketelusan.

"Ini kerana kewangan Islam dalam pembiayaan misalnya meletakkan harga siling yang mana apa sahaja faktor yang berlaku tidak akan melepas harga siling. Maka pelanggan daripada hari pertama sehingga hujung pembayaran akan tahu berapa

yang perlu dibayar," katanya sebagai panelis pada wacana Sinar Harian ke-147 di Kompleks Kumpulan Karangkraf malam kelmarin.

Tuan Badrul Hisham berka-

**Berbanding kewangan konvensional, boleh jadi murah pada permulaan, tetapi bila-bila masa bergantung atas faktor ekonomi yang lain akan naik tanpa ada had dan siling."**

- Dr Tuan Badrul Hisham



TUAN BADRUL HISHAM

ta, penetapan harga siling dalam kewangan Islam membolehkan konsumen melihat kemampuan kewangan mereka.

"Kewangan Islam telah berita siap-siap, (jumlah) ini tetap. Tidak akan lebih dan bahkan mungkin akan kurang pula. Jika setuju, teruskan. Jika tidak kita bincang produk lain."

"Berbanding sistem kewangan konvensional, boleh jadi murah pada permulaan, tetapi bila-bila masa bergantung atas faktor ekonomi yang lain akan naik tanpa ada had dan siling," katanya.

Beliau berkata, ketika krisis kewangan, kenaikan kadar pembiayaan asas (BFR) sehingga 12 peratus menyebabkan banyak syarikat gulung tikar kerana tidak mampu membayar komitmen bulanan disebabkan terlalu mahal.

"Kalau dikira semula sampai hujung pinjaman, jauh berganda dan tidak pernah tahu jumlah ini pada permulaannya. Boleh jadi murah pada awalnya, tetapi tidak tahu akan datang,

"Maka ini, boleh menjadi isyarat yang mana patut kita pilih dari sudut pilihan produk," katanya.

Namun katanya, setiap keputusan hendaklah didokong oleh informasi dan kefahaman kerana ia akan mempengaruhi sebab yang pelbagai.

Tambahnya, kewangan Islam sentiasa mengajar manusia membuat pilihan bersesuaian mengikut kadar dan kemampuan dirinya.

"Kalau mampu pakai Perodua Myvi, jangan buat pembiayaan pakai BMW. Masalahnya sekarang ini, dia mampu pakai Myvi, tetapi kerana nafsu dan tamak dalam hati, buat macam mana pun, akhirnya lulus pembiayaan BMW."

"Untuk tiga bulan yang pertama, tetapi selepas itu? Oleh sebab itu, perbankan Islam memberitahu kesannya. Silakan kalau mahu. Kalau tidak mahu, kita cari yang lain."

"Maka banyak isu yang boleh selesai seandainya kita sebagai konsumen jujur dengan pilihan kita," katanya.